


BH (Vaniti)
Fhemmy 22/8/17
ms VS



Impian **Muhd Fakhur Razi** tercapai

Hasrat Muhd Fakhur Razi Shahrudin, 22, untuk menuntut ilmu hingga ke Mesir tercapai apabila menyertai program Ijazah Sanad Al-Quran di Kahe-rah, Januari lalu.

Pelajar Ijazah Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu mendalami kemahiran membaca al-Quran menerusi Kelas Pembacaan Al-Quran dan Kelas Pengajian Tajwid di Darrasah, Kahe-rah.

Katanya, proses bagi mendapatkan ijazah sanad itu agak mencabar kerana peserta diuji dengan kemahiran membaca kitab suci itu serta kebolehan menguasai makhrāj.

Beliau berkata, penguasaan sekurang-kurangnya 50 peratus ilmu tajwid dan tiada kesalahan berat dalam bacaan yang disampaikan juga perlu dipas-tikan.

"Saya tidak sangka dapat menjejakkan kaki di bumi Anbia yang pernah diimpikan dulu selesai persekolahan Sekolah Menengah Agama Al Ihsan, Kuantan.

Menimba pengalaman

"Semuanya bermula apabila Pusat Islam dan Pembangunan Insan dengan kerjasama IQBA

PROFIL

Nama: Muhd Fakhur

Razi Shahrudin

Tarikh lahir: 9 November 1991

Asal: Kuantan, Pahang

Adik beradik: Anak keenam

daripada sembilan adik-beradik

Pengajian: Ijazah

Sistem Komputer dan

Kejuruteraan Perisian

Aktiviti:

2011

Fasilitator MINDS

Exco Perwakilan Kolej

Kediaman 2

2012

Fasilitator MINDS

2013

Presiden Persatuan

Teknologi Komputer

Training and Consultancy mena-warkan program mempelajari dan menguasai sanad al-Quran daripada tenaga pengajar ber-wibawa di Asia Barat," katanya.

Sepanjang dua minggu di Kahe-rah, Muhd Fakhur Razi dan lapan lagi pelajar UMP mengikuti pengajaran oleh Syeikh Asyraf Hamid Hasanain dan Syeikh Abdul Aziz Baid-howi bagi kelas pembacaan al-Quran selain mengikuti peng-a-jian tajwid dengan Ustaz Hakim Azizan.

Katanya, pengalaman ber-harga di Kahe-rah bukan seka-dar mempelajari al-Quran, malah pendedahan terhadap budaya dan masakan bangsa Arab.

Kelas percuma

"Program ini mampu mem-beri pendedahan kepada mahasiswa mengenai sejarah Islam, cara bacaan bertajwid serta sebutan makhrāj huruf yang betul dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW hingga kini.

"Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk menyertai program ini dan berpegang kepada nasihat Syeikh Asraf Hasanain agar memastikan bacaan al-Quran yang betul supaya maksudnya tidak berubah," katanya.

Kini, beliau dan peserta program itu mengadakan kelas membaca al-Quran secara sukarela bagi mem-bantu pelajar UMP lain mem-baca kitab suci itu dengan betul.

Beliau berharap usaha murni itu mampu membuda-yakan amalan menuntut ilmu yang menjadi kemestian bagi memastikan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.